

▼06/09/15-56MST

CNS7530

R GB 06-09 00149 BH403

bah

NEGARA-NEGARA NAM MINAT BELAJAR SISTEM POLITIK MALAYSIA

NAM - Politik

JAKARTA, 6 Sept (Bernama) -- Banyak negara Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) berminat mempelajari sistem politik yang diamalkan di Malaysia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata negara-negara itu tertarik hati dengan cara Malaysia mengembleng kerjasama rakyat berbilang kaum melalui parti-parti politik yang mewakili kepentingan kaum.

+Mereka berminat bagaimana Perikatan dan kemudian Barisan Nasional mentadbir negara kerana mereka juga menghadapi masalah berlaku banyak parti politik yang bercanggah antara satu sama lain sehingga menguntungkan pihak lawan,+ kata beliau.

Dalam sidang akhbar sebelum berlepas pulang setelah seminggu menghadiri Sidang Kemuncak ke-10 NAM di sini, Dr Mahathir berkata Malaysia bersedia berkongsi pengalaman dengan negara-negara berkenaan.

Pandangan mereka itu disuarakan dalam pertemuan dua hala antara Dr Mahathir dengan para pemimpin berkenaan sepanjang menghadiri persidangan NAM. -- Lagi

▼06/09/15-01MST

CNS7539

R GB 06-09 00100 BH409

bah

(ULANGAN Membetulkan Slug) NAM - Politik 2 (Akhir) Jakarta

Semasa menjawab soalan lain tentang proses pertukaran pemimpin di Malaysia, Dr Mahathir berkata sejak negara merdeka sudah ada empat Perdana menteri dan proses penggantian berjalan tanpa masalah besar.

+Umumnya rakyat menerima sistem pertukaran kepimpinan yang kita amalkan.

+Mereka tidak bersikap melampau sehingga hendak memberontak tetapi suka cara-cara yang diizinkan oleh sistem demokrasi,+ katanya.

Perdana Menteri berkata banyak negara NAM juga berminat untuk mendapatkan panduan dan bantuan dari Malaysia di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP)) yang disediakan untuk negara membangun.-- Bernama

▼06/09/15-42MST